

# Kerajaan belum boleh guna teknologi moden — PM

BH 20 OCT 1988

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, teknologi moden hanya boleh memberi faedah apabila ia digunakan secara meluas oleh sektor perdagangan.

Kata Perdana Menteri, kerajaan tidak boleh menggunakan teknologi moden selagi negara hanya mempunyai penternak dan petani kecil yang berusaha untuk menyara hidup semata-mata.

"Jika kita ingin memodenkan penternakan negara, penyusunan semula masyarakat penternak mesti diadakan. Inilah yang cuba dibuat oleh kerajaan sekarang," katanya ketika merasmikan Kongres Persekutuan Persatuan Veterinar Asia, di sini malam ini.

Beliau berkata, walaupun Asia mempunyai 97 peratus kerbau dunia dan 29 peratus lembu, benua ini hanya mengeluarkan 7.6 peratus daging untuk dunia serta 9 peratus bekalan susu di dunia.

Menurutnya, walaupun mempunyai peradaban lebih awal serta mendahului benua lain di bidang pertanian, negara-negara Asia sekarang jauh ketinggalan di segi pengeluaran makanan.

"Kita semua sedar bahawa untuk mencapai kemajuan, ia mesti dimulakan dengan perubahan sikap dan darjah pemikiran yang tinggi. Dalam banyak hal, perubahan organisasi juga diperlukan kerana selepas itu sahaja teknologi boleh diperkenal, diterima dan digunakan.

"Dalam konteks Asia, saya berpendapat selagi petani kita terikat dengan pertanian untuk menyara hidup, selagi itulah mereka tidak boleh dan tidak akan bersedia menerima teknologi baru," katanya.

Sebagai contoh, pembangunan tidak bermula di Malaysia sehingga tahun 1950-an apabila penternak sedia berpindah daripada penternakan untuk menyara hidup dan ternakan di belakang rumah kepada penternakan perdagangan, sama ada besar atau kecil.

Beliau berkata, selepas tempoh itu cara ternakan baru dan kelengkapan saintifik diterima oleh unit-unit kecil penternak yang kini menjadi perusahaan penternakan besar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berdasarkan pengalaman itu, kerajaan kini menggunakan satu strategi bagi memajukan penternak sara hidup kepada unit-unit perdagangan kecil dan membekalkan mereka dengan sejumlah besar binatang ternakan.

"Di segi pengeluaran daging, unit-unit ini sudah menggunakan teknologi baru menyediakan makanan lembu daripada kelapa sawit yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

"Daripada hanya satu pusat ternakan pada 1984, negara kini mempunyai lebih 400 buah sama ada ladang ternakan besar atau kecil. Saya yakin unit-unit kecil ini akan berkembang menjadi unit besar yang mempunyai beribu-ribu ekor ternakan," katanya.

Beliau menegaskan, penyusunan semula penternak kepada unit-unit perdagangan serta usaha mengumpul mereka akan membantu sistem pemasaran yang lebih tersusun dan pengawalan mutu yang lebih baik.